

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah status pembukaan bidaan *Large Scale Solar 4* (LSS 4) dan apakah rancangan Kementerian untuk memastikan pencapaian 20% penjanaan elektrik sumber tenaga baharu menjelang tahun 2025.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses bidaan bagi Program *Large Scale Solar* atau LSS Pusingan Ke-4, yang juga dikenali sebagai LSS@MEnTARI telah dimulakan pada 31 Mei 2020 dan telah ditutup untuk penerimaan tawaran bidaan pada 2 September 2020. Pada masa ini, Suruhanjaya Tenaga sedang melaksanakan proses penilaian dan keputusan bagi LSS@MEnTARI ini dijangka akan diumumkan pada suku pertama tahun 2021.

Berhubung pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai rancangan Kementerian untuk memastikan pencapaian 20% penjanaan elektrik daripada sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) menjelang tahun 2025, Kementerian saya telah mengkaji semula sasaran 20% TBB yang telah ditetapkan Kerajaan sebelum ini. Mengambil kira perkembangan semasa, satu sasaran TBB yang lebih inklusif telah ditetapkan dan akan diumumkan setelah mendapat kelulusan Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.